

**Permintaan Domestik Kukuh Pacu Ekonomi Asean Bagi 2012, Kata Moody's
Bernama
12 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Permintaan domestik yang kukuh akan memacu ekonomi Asean bagi tempoh selebihnya 2012, kata Moody's Analytics.

Firma penyelidikan itu berkata Asean kekal bertahan di tengah-tengah kelembapan ekonomi global dan Asean 5 iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand, telah menunjukkan daya tahan kerana perbelanjaan isi rumah dan pelaburan kukuh telah membantu mengimbangi kesan pertumbuhan global yang lemah.

Ia berkata pelaburan di Asia Tenggara semakin meningkat, yang akan melonjakkan produktiviti dan prospek pertumbuhan jangka panjang manakala dasar monetari proaktif membantu melindungi rantau ini daripada kesan kelemahan global.

"Eksport merupakan enjin pertumbuhan tradisional rantau ini, tetapi walaupun dengan kelemahan permintaan global sekarang, pertumbuhan ekonomi masih teguh.

"Pelaburan dan perbelanjaan isi rumah meningkatkan permintaan domestik di Indonesia dan Malaysia," kata Moody's dalam nota prospek serantaunya Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680136>